

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(UNITEKMA)  
KAMPUS MELAKA

ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)

**CABOOT'S ENTERPRISE**

Disediakan Untuk:

PUAN ZUBAIDAH BTE ZAHIRUDIN  
Pensyarah ETR 300  
Universiti Teknologi MARA

Disediakan Oleh:

FARAH SABRYNA NASARUDIN	97138747
NURUL Hidayah Mansor	97205695
MARINI HAIRUDDIN	97236039
AZIMAH IBRAHIM	97205384
ABDUL HAFIZ OSNI ANUAR	97217829

DIPLOMA PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN (SEMESTER 05)  
CABOOT'S ENTERPRISE  
Institut Teknologi MARA  
Km 26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
MELAKA

7 JULAI 1999

PUAN ZUBAIDAH BTE ZAHIRUDIN  
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN ( ETR 300 )  
Institut Teknologi MARA  
Km 26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
MELAKA

Puan,

**RANCANGAN PERNIAGAAN "CABOOT'S ENTERPRISE"**

Merujuk kepada perkara di atas adalah dimaklumkan bahawa kami telah ditugaskan untuk menyediakan satu laporan Rancangan Perniagaan yang diberi tajuk CABOOT'S ENTERPRISE. Ia adalah penting sebagai memenuhi keperluan kursus bagi mata pelajaran Asas Keusahawanan ( ETR 300 ).


2. Laporan ini telah disediakan mengikut arahan, susunan, tatacara dan prosedur seperti yang telah diarahkan. Kami memilih perniagaan ini kerana ia mempunyai potensi berdaya maju untuk bersaing terutamanya dalam bidang rekaan hiasan dalaman.
3. Memandangkan perniagaan seperti ini masih baru diperkenalkan, ia membolehkan kami mencipta pasaran kami tersendiri di samping menghasilkan jumlah pendapatan yang menguntungkan.
4. Penyerahan laporan ini dibuat selewat-lewatnya atau pada 18 Oktober 1999. Maka kami menyerahkan laporan Rancangan Perniagaan ini dan bersedia untuk menghadapi sebarang kritikan dan ulasan tentang laporan ini. Kami juga bersedia untuk memberi sebarang maklumat tambahan yang diperlukan. Kami berharap agar Puan berpuas hati dengan hasil kerja kami.

Segala pertimbangan dan budi baik dari pihak Puan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga.

Yang benar,

---

(FARAH SABRYNA BTE NASARUDIN)  
Pengurus CABOOT'S ENTERPRISE



**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**CAWANGAN MELAKA**  
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 8hb. Julai 1999  
Surat Tuan:  
Surat Kambing: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963 06-5591067

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Abdul Hafiz bin Osni Anuar	97217829
2.	Farah Sabryna Nasarudin	97138747
3.	Marini Hairuddin	97236039
4.	Nurul Hidayah Mansor	97205695
5.	Azimah Ibrahim	97205384

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**SHAHARIAH HJ. OSMAN**  
Ketua Kursus DBS  
ITM Melaka.  
b/p Provos

## PENDAHULUAN

Assalammualaikum w.b.t.

**D**engan rasa rendah diri dan setinggi-tinggi rasa syukur dipanjatkan kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah kami menyiapkan laporan Rancangan Perniagaan ini dengan sebaik mungkin berdasarkan apa yang telah diarahkan mengikut keupayaan yang ada pada diri kami sendiri.

Bidang Perniagaan dan Keusahawanan merupakan satu bidang yang begitu mencabar dan menguji diri. Bagi mereka yang ingin bergelar usahawan mestilah mempunyai ciri-ciri seorang usahawan di mana ia memerlukan ketabahan, kegigihan, kesabaran dan kesungguhan untuk berjaya. Di samping itu, seseorang usahawan perlu ada sifat daya juang, kreatif, inovatif, bersemangat waja dan peka terhadap peluang-peluang yang ada di sekelilingnya.

Bagi tujuan itu, kami telah sebulat suara memilih untuk mengusahakan perniagaan berkonsepkan rekaan hiasan dalaman yang pada permulaannya tertumpu kepada set cadar dan kain langsir sahaja memandangkan ia merupakan satu bidang yang masih baru lagi diperkenalkan dalam dunia perniagaan. Citarasa suri rumah kini yang berubah-ubah dan sentiasa inginkan kelainan pada rumah kediaman mereka telah mendorong kami untuk melibatkan diri dalam bidang ini. Bidang ini juga memperlihatkan masa depan yang cerah serta berpotensi untuk terus maju dan berkembang berpandukan kepada bilangan penduduk yang sentiasa bertambah dan kemajuan pembinaan kawasan perumahan yang didirikan sepanjang masa, mereka (suri rumah) pasti memerlukan khidmat sepertimana yang disediakan oleh perniagaan kami pada masa-masa akan datang.

Selain itu, bidang ini kurang penglibatan dari kaum Bumiputera dan kami adalah salah satu daripada segelintir kaum Bumiputera yang sanggup menyahut cabaran bagi menguruskan perniagaan ini. Walaupun kami bakal menerima risiko ikutan dari penubuhan perniagaan ini, namun segalanya dapat diatasi dengan segala pengetahuan yang ada. Konsep perniagaan kami juga berlainan daripada kedai-kedai perabot dan kedai-kedai

rekaan hiasan dalaman yang sedia ada kerana kami cuma menumpukan kepada rekaan hiasan dalaman bagi set cadar dan kain langsir sahaja. Kami juga yakin perniagaan yang dijalankan ini mampu mendapat sambutan yang hebat selari dengan matlamat kami.

Dengan harapan serta semangat yang tinggi, kami percaya perniagaan kami ini akan dijadikan contoh dan ikutan ramai usahawan terutamanya daripada golongan Bumiputera yang mahu berkecimpung dalam perniagaan berkonsepkan seperti kami. Di samping itu, ia dapat mewujudkan satu persaingan yang sihat di antara pengusaha-pengusaha lain seterusnya dapat memperbaiki setiap kelemahan pada masa-masa hadapan.

Wassalam.